

# Peranan JPP Sabah Dalam Menangani Kes Pembuangan Kerja Yang Tidak Mengikut Prosedur Di Bawah Undang-Undang Buruh Dalam Negeri Sabah Semasa Wabak Covid-19 Pada Tahun 2020

Wabak COVID-19 yang merebak ke Malaysia semasa tahun 2020 telah memberi impak negatif yang sangat besar kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi di negara ini. Bagi membendung pandemik ini, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 di mana hanya perkhidmatan penting dibenarkan beroperasi, sekali gus menjejaskan kadar penglibatan pekerjaan dan peluang pekerjaan. Penutupan perkhidmatan tidak penting yang merangkumi banyak sektor utama ekonomi semasa PKP ini telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos operasi termasuk gaji dan upah pekerja hingga mengakibatkan peningkatan kadar pembuangan pekerja. Di Sabah, pasaran buruh terkesan dengan trend pembuangan kerja ini dengan rekod kadar pengangguran tahun 2019 sebanyak 5.8% atau 78.8 ribu pekerja telah meningkat pada tahun 2020 dengan kadar pengangguran yang tertinggi dalam negara iaitu sebanyak 8%, di mana jumlah individu yang tidak bekerja adalah seramai 101.4 ribu (Sumber: eStatistik DOSM).


BUKU TAHUNAN PERANGKAANSABAH STATISTICS YEARBOOK 2019

<b>3.1 Perangkaan Utama Tenaga Buruh dan Pengangguran, Sabah</b> <i>Principal Statistics of Labour Force and Unemployment Sabah</i>					
	2015	2016	2017	2018	2019
<b>Jumlah Tenaga buruh ('000 )</b> <i>Total Labour force ('000)</i>	1,863.4	1,927.1	1,903.4	1,937.6	2,025.7
<b>Bilangan Bekerja ('000 )</b> <i>Number Employed ('000)</i>	1,771.1	1,823.7	1,795.9	1,825.5	1,908.6
<b>Bilangan Menganggur ('000 )</b> <i>Number Unemployed ('000)</i>	92.3	103.4	107.5	112.1	117.1
<b>Kadar pengangguran (%)</b> <i>Unemployment rate (%)</i>	5.0	5.4	5.6	5.8	5.8
<b>Kadar penyertaan tenaga buruh (%)</b> <i>Labour force participation rate (%)</i>	69.5	70.8	68.4	68.2	70.0
<b>Kadar penyertaan tenaga buruh lelaki (%)</b> <i>Male labour force participation rate (%)</i>	86.1	85.4	84.8	85.0	85.9
<b>Kadar penyertaan tenaga buruh perempuan (%)</b> <i>Female labour force participation rate (%)</i>	51.2	54.7	50.1	49.7	52.5

# STATISTIK TENAGA BURUH 2020

## LUAR TENAGA BURUH


Komposisi terbesar luar tenaga buruh terdiri daripada perempuan



% : Peratus sumbangan

## KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENGANGGURAN MENGIKUT NEGERI

Kadar pengangguran tertinggi adalah di Sabah dengan 8.0 peratus manakala kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi direkodkan di negeri Selangor



Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend peningkatan kehilangan pekerjaan ini juga amat signifikan dengan kadar peningkatan laporan kes aduan yang diterima di bawah Seksyen 20 (Pembuangan Kerja) yang diterima oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah. Dimana trend peningkatan penerimaan kes ini dapat dilihat pada penerimaan laporan kes Seksyen 20 JPP SABAH, sebagai contoh pada tahun 2018 kes yang diterima adalah 143 kes, manakala tahun 2019 jumlah kes yang diterima adalah sebanyak 126 kes, walau bagaimanapun pada tahun 2020 jumlah penerimaan kes pembuangan kerja meningkat kepada 200 kes .

Melihat kepada statistik pembuangan kerja yang diterima kebanyakan majikan menggunakan alasan ekonomi syarikat yang tidak bagus kerana tidak dapat beroperasi akibat PKP menyebabkan mereka tidak dapat lagi menampung kos operasi termasuk membayar gaji dan upah pekerja oleh demikian itu mereka terpaksa melakukan pembuangan pekerja. Walaubagaimanapun laporan pembuangan kerja dibawah seksyen 20 yang diterima Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah dilakukan tanpa mengikut prosuder atau kaedah yang betul mengikut peruntukan undang-undang dalam melakukan pembuangan pekerja.

Oleh demikian pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah sesuai dengan peranannya untuk membantu mengukuhkan hubungan harmoni antara majikan dan pekerja telah melaksanakan beberapa strategi dalam membantu majikan melakukan proses pembuangan pekerja yang betul tanpa menfikan hak-hak pekerja yang dijamin dibawah undang-undang dengan mengikut prosedur yang betul sepertimana yang telah diperuntukan oleh undang-undang buruh di negara ini khasnya Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang menjadi sumber kuasa kepada jabatan ini.

Antara strategi yang diguna pakai adalah dengan melakukan lawatan harmoni secara kerap (secara bersemuka) kepada majikan dimana melalui strategi ini pihak jabatan dapat berinteraksi secara terus bersama majikan dan pekerja sekaligus penyampaian ilmu berkenaan prosuder pembuangan kerja yang betul, bagaimana memupuk hubungan harmoni antara majikan dan pekerja dapat di kongsi bersama majikan dan pekerja. Melalui Platform ini juga pihak majikan dan pekerja boleh bertanyakan isu-isu pekerjaan yang dilalui mereka kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah bagi membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi melalui khidmat nasihat yang diberikan. Terdapat juga beberapa strategi yang dilaksanakan seperti penganjuran seminar bersama majikan juga kesatuan-kesatuan sekerja dan kesatuan-kesatuan majikan, dan aktiviti dialog sosial yang diharap dapat membantu para majikan dan pekerja mendepani cabaran ekonomi semasa dan pada masa yang sama isu buruh dapat dilaksanakan mengikut prosuder yang betul tanpa menafikan hak-hak majikan dan pekerja yang terlibat

Disediakan oleh,

Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah

Rujukan

[www.Dosm.gov.my](http://www.Dosm.gov.my)

[Http://www.beritaharian.com.my/mtuc/-harap rancaagan berdaya -maju mapan tangai isu pekerja](http://www.beritaharian.com.my/mtuc/-harap_rancaagan_berdaya_-maju_mapan_tangai_isu_pekerja)

[www.irdsabah.gmail.com\(laporan dashorad JPP sabah\)](http://www.irdsabah.gmail.com(laporan_dashorad_JPP_sabah))